

# MEMO

Kepada : Operator *Forklift*, PBKL & Penyewa KSB  
Daripada : Pengurus Operasi, PBKSB  
Tarikh : 31/01/2019  
Rujukan No. : OPERASI/QHSE/2019/01  
Tujuan : Aktiviti Mengangkat Paip Menggunakan *Forklift*

---

Merujuk kepada insiden mengangkat paip menggunakan *forklift*, pihak QHSE PBKSB dan pihak operasi PBKL telah menetapkan beberapa perkara untuk diambil perhatian sepertimana berikut:

1. Aktiviti mengangkat paip menggunakan *forklift* mestilah mengambil kira perkara berikut:
  - Penggunaan *forklift* 6T ke atas sahaja dibenarkan;
  - Spesifikasi paip:
    - i, Panjang 30 kaki maksimum
    - ii, Diameter 10 inci maksimum
  - Jumlah paip kurang daripada 5 batang;
  - Mengangkat satu batang paip pada satu masa;
  - *Lifting belt* disediakan oleh pihak penyewa;
  - Kawasan kerja tidak terhalang dan selamat untuk pergerakan *forklift*;
  - Mengalihkan paip dalam kawasan sewaan sahaja dibenarkan;
  - Mengangkat paip ke/dari atas *prime mover* adalah dilarang sama sekali;
  - Pihak penyewa menyediakan seorang *signalman* untuk membantu operator *forklift*;
  - Mengadakan sesi bacaan JSA bersama wakil penyewa dan operator *forklift* sebelum kerja dijalankan.
2. Bagi aktiviti mengangkat paip pendek, paip tersebut hendaklah diletakkan di atas *pallet* dan diikat sebelum aktiviti mengangkat dijalankan.
3. Memo ini tertakluk kepada semua aktiviti di dalam kawasan KSB

# MEMO

Kerjasama daripada pihak Tuan untuk memastikan KSB sebagai tempat kerja yang selamat amatlah dihargai. Sebarang isu atau pertanyaan boleh berhubung terus kepada pegawai operasi PBKL dan QHSE PBKSB.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

"WE SEE, WE FEEL, WE CHANGE"  
"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"



(Mohamad Irwan bin Abdul)  
PENGURUS OPERASI PBKSB



PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN. BHD.